

UMS korban 8 ekor lembu sempena sambutan Aidiladha

NST 25.8.2018

KOTA KINABALU: Sebanyak lapan ekor lembu dikorbankan oleh pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersempena dengan sambutan Aidiladha peringkat UMS 1439H/2018M.

Tujuh ekor lembu disembelih di perkaranan Masjid UMS, manakala seekor lembu lagi diserahkan kepada Kampus Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Sabah.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Islam UMS, Ustaz Mohammad Fazri Abdul Hamid, acara penyembelihan pada pagi tadi melibatkan seramai lebih 60 warga kakitangan UMS yang membantu bagi melancarkan

kerja-kerja penyembelihan, melapah dan pengagihan daging.

“Penglibatan golongan muda dalam acara ibadah korban pada kali ini amat menggalakkan, dan perkembangan ini sesuatu yang positif memandangkan tenaga muda sememangnya diperlukan bagi aktiviti-aktiviti menumbangkan lembu-lembu korban tersebut,” katanya.

Dalam pada itu, Ustaz Fazri turut berharap agar lebih ramai melibatkan diri dalam aktiviti penyembelihan dan ibadah Korban pada masa akan datang.

Sementara itu, salah seorang petugas Korban, Muhd. Fahami Iqhwani Mayasin ketika ditemui media berkata, beliau amat berbesar hati kerana berpeluang untuk turut serta dalam pelaksanaan acara korban pada kali ini.

“Saya sangat teruja kerana ini adalah pengalaman saya kali pertama menyertai ibadah ini, dan saya harap dapat membantu lagi pada masa akan datang,” ujar beliau.

Majlis kemudiannya berakhiran dengan jamuan makan yang diadakan selepas solat Zohor.



LAPAH... Para petugas terdiri daripada kakitangan UMS melakukan kerja-kerja melapah lembu.



TUMBANGKAN... Para petugas korban UMS bertungkus lumus menumbangkan seekor lembu untuk dikorbankan.